

PERANCANGAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG SERTA PENGARUH
SENIBINA BRITISH DISEKITAR BANDAR GEORGETOWN

Penulisan pengkajian akhir ini telah diserahkan kepada
Jabatan Senibina, Institut Teknologi MARA, sebagai
memenuhi syarat Diploma dalam pengkajian tahun akhir.

Disediakan oleh :

SHAHZAINY B SHAHROME
84027988
DIPLOMA SENIBINA, TAHUN 4, SEMESTER 8,
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR,
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SEPAH ALAM, SELANGOR.
SESSI 1988/89.


Adalah disahkan bahwa penulisan pengkajian akhir ini telah disediakan oleh :


SHAHZAINY B SHAHROME

84027988

Penulisan pengkajian akhir ini telah dibaca dan disemak oleh :

Encik Abdul Ghani Mohd Desa.


.....
(Penyelia dan Penilai)


.....
Tarikh

ISI KANDUNGAN

- i. Pendahuluan
- ii. Penghargaan
- iii. Pengenalan
- iv. Objektif Kajian
- v. Skop Kajian
- vi. Methodlogi

BAHAGIAN PERTAMA :		m/s
Bab 1.0	Pulau Pinang Secara Am.....	1
1.1	Sejarah Perkembangan Pulau Pinang..	2
Bab 2.0	Sejarah Perancangan Pulau Pinang...	8
Bab 3.0	Isu Perancangan Masa Kini.....	15
3.1	Rancangan Penempatan (Perumahan)...	16
3.2	Objektif Perancangan.....	17
3.3	Strategi-strategi.....	18
Bab 4.0	Perancangan Industri.....	19
4.1	Objektif Perancangan.....	22
4.2	Strategi-strategi.....	23
Bab 5.0	Perancangan Perniagaan dan Perkhidmatan.....	24
5.1	Objektif Perancangan.....	26
5.2	Strategi-strategi.....	27
Bab 6.0	Perancangan Pelancongan.....	35
6.1	Objektif Perancangan.....	36
6.2	Strategi-strategi.....	37

Pendahuluan :

Perkembangan senibina di Malaysia sejak berkurun-kurun lamanya, kaya dengan warisan ciri-ciri serta unsur-unsur ketimuran dan kebaratan.

Bermula dengan senibina 'vernacular' yang memperlihatkan warisan senibina kemelayuan, ia juga memaparkan pengaruh-pengaruh asing seperti Hindu, Melayu dan Islam. Perkembangan senibina ini yang berikutnya menunjukkan bagaimana pengaruh-pengaruh tersebut sezaman dari aspek ugama, sosial, adat dan keadaan alam sekeliling.

Zaman yang berlalu, memperkenalkan pula bentuk senibina berlainan yang beridentitikan ciri-ciri kebaratan. Senibina ini lahir di zaman penjajahan Semenanjung Tanah Melayu. Negeri-negeri yang pada masa dahulu dikenali sebagai Negeri-negeri Selat seperti Melaka, Perak, Selangor dan Pulau Pinang adalah dikalangan negeri-negeri yang mewarisi bangunan-bangunan yang bercirikan Senibina Kolonial. Keunikan senibina Kolonial yang wujud menjadi detik permulaan pengenalan sistem binaan yang lebih moden di samping merupakan senibina asing yang telah diolah bersesuaian dengan keadaan setempat dan kehendak zaman. Walaupun senibina Kolonial bukanlah senibina asli atau 'indiginous', ia tetap merupakan salah satu dari warisan senibina Malaysia yang patut dibanggakan.

Pengenalan :

Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi mengenai cara-cara perancangan pembangunan Pulau Pinang yang dijalankan dari dahulu, sekarang dan juga pada masa hadapan. Disamping itu juga kajian ini akan mengkaji serba sedikit mengenai pengaruh senibina British terhadap bangunan-bangunan di sekitar bandar Georgetown.

Jadi di dalam kajian ini penulis akan membahagikan penulisan pengkajian akhir ini kepada dua bahagian iaitu :

I. Bahagian Pertama;

'Perancangan Pembangunan Pulau Pinang'

II. Bahagian Kedua;

'Pengaruh Senibina British di sekitar bandar Georgetown'

Di dalam bahagian pertama kajian akan dilakukan berdasarkan isu-isu perancangan masa kini seperti perancangan penempatan, industri, perniagaan dan perkhidmatan, perlancongan, pertanian, kemudahan masyarakat, ameniti rekreasi, utiliti awam, kualiti alam sekitar, pengangkutan dan perancangan rupa bentuk bandar serta lanskap dan memberi penekanan terhadap objektif-objektif dan strategi-strategi perancangan.

Di dalam bahagian kedua pula kajian akan dilakukan terhadap bangunan-bangunan kolonial yang terdapat di sekitar bandar Georgetown. Penekanan akan diberikan terhadap sejarah senibina British, pengaruh senibina British, pengaruh senibina tempatan dan yang terpenting sekali mengenai ciri-ciri senibina yang terdapat pada bangunan-bangunan yang terdapat di sekitar bandar Georgetown.